

14/06/2003

Bekalan air diswasta elak tanggung beban: MB

Hussain Said

NILAI: Penswastaan bekalan air di negeri ini perlu dilakukan bagi mengelakkan kerajaan negeri terus dibebani dengan hutang, kata Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Menurutnya, kerajaan negeri ketika ini terpaksa menanggung hutang kira-

kira RM1.1 bilion kepada kerajaan pusat bagi memproses, membekal dan menyelenggara bekalan air di negeri ini menerusi Jabatan Bekalan Air Negeri Sembilan (JBANS).

Sehubungan itu, katanya, kerajaan negeri mengalu-alukan keputusan kerajaan pusat untuk mengambil alih tanggungjawab dalam pembangunan dan penyediaan bekalan air sebagaimana yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam pertemuan dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri, Rabu lalu.

"Kita sudah menyerahkan dokumen mengenai penswastaan bekalan air di negeri ini kepada Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (JPM)

untuk menelitinya.

"Ini termasuk keputusan kerajaan negeri melantik NS Water Sdn Bhd sebagai syarikat pemegang hak konsesi bagi penswastaan itu," katanya selepas merasmikan Hari Keluarga Pekerti di Nilai Springs Golf & Country Club, dekat sini.

Mohd Isa berkata kerajaan negeri menyerahkan kepada kerajaan pusat sama ada meluluskan atau sebaliknya mengenai cadangan penswastaan itu termasuk syarikat yang diputuskan memegang hak konsesinya.

"Saya tidak melihat tindakan sesetengah pihak mempersoalkan keputusan kerajaan negeri (melantik NS Water Sdn Bhd sebagai pemegang hak konsesi) boleh menjejaskan proses penswastaan ini.

"Lagipun, keputusan penswastaan itu belum diputuskan dan semuanya bergantung kepada kerajaan pusat. Kita menerima sebarang keputusan yang dibuat," katanya.

Katanya, cadangan untuk menswastakan bekalan air sudah dibincangkan sejak tiga tahun lalu bagi memastikan kualiti air di negeri ini dapat dipertingkatkan.

"Selaku kerajaan negeri yang bertanggungjawab, kita mahu memastikan bekalan air yang diperoleh rakyat negeri ini sentiasa bersih, apatah lagi, air adalah sumber penting dalam kehidupan.

"Lagipun, penswastaan perlu dilakukan kerana kita mendapati kos untuk mengurus dan membekalkan air terlalu tinggi dan kita tidak mahu terus dibebani hutang," katanya.